

# Mekanik kejam dera anak tiri

Oleh NORHAYATI YAHAYA  
norhayati.yahaya@kosmo.com.my

**KLANG** - Perbuatan kebinatangan seorang mekanik yang mendera anak tiri lelaki berusia tiga tahun tanpa belas kasihan memakan diri apabila dia diberkas selepas aksi kejamnya itu dirakam menggunakan kamera telefon bimbit sebelum dimuat naik di laman sosial Facebook.

Suspek berusia 32 tahun tersebut diberkas pada pukul 8 malam kelmarin di rumahnya di Taman Mas, Kapar di sini iaitu tempat di

mana kejadian dera itu berlaku. Dia diberkas apabila polis menerima laporan jirannya sejam selepas dia melihat rakaman tersebut.

Difahamkan, ketika serbuan, suspek berada di dalam rumah itu bersama mangsa tetapi isterinya telah melarikan diri.

Timbalan Ketua Polis Daerah Klang Utara, Supritendan Jani Ahmad berkata, kanak-kanak tersebut dihantar ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah di sini dan pemeriksaan menemui kesan kecederaan dan calar di badan serta kepalanya.

Katanya, polis percaya mangsa telah didera oleh bapa tirinya sejak dua bulan lalu.

"Polis percaya rakaman tersebut dibuat menggunakan telefon bimbit dan di syaki dimuat naik oleh isterinya. Namun kita masih menjalankan siasatan memandangkan wanita itu telah melarikan diri.

"Kita sedang menyiasat tarikh rakaman itu dibuat termasuk motif kejadian," katanya ketika dihubungi.

Menurut Jani, suspek kini direman sehingga Sabtu ini bagi membantu siasatan

mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 yang memperuntukkan hukuman penjara 10 tahun atau denda RM20,000 jika sabit kesalahan.

Video berdurasi lapan minit dan 33 saat tanpa tarikh yang disiarkan di akaun Facebook milik Polis Diraja Malaysia itu menunjukkan imej seorang lelaki berbadan sasa yang memakai baju T biru dan berseluar jeans menampar, mengangkat, menendang, menumbuk dan melempar tubuh kanak-kanak itu tanpa belas kasihan.

Lebih kejam apabila lelaki berperangai binatang tersebut memukul kanak-kanak itu dengan terompah dan senduk dan mengarahkan mangsa yang menangis teresak-esak supaya diam dan bangun serta-merta setiap kali dibelasah.

Tidak cukup dengan itu, suspek turut mengangkat kanak-kanak itu sebelum dilempar dengan kuat ke atas tilam kusyen lalu menendangnya berkali-kali.

Sesekali suspek mengacukan penumbuknya ke muka dan dada kanak-kanak itu. Suspek seolah-olah me-

nyedari aksinya dirakam kerana kerap memandangkan arah kamera.

Dalam satu babak, lelaki itu mengarahkan mangsa supaya berlutut di atas simen dan mengarahkan kanak-kanak tersebut mengangkat kedua-dua belah tangannya dan memaksanya menahan supaya tidak jatuh.

Selain kanak-kanak itu, terdapat imej seorang lagi kanak-kanak dan bayi. Lelaki itu turut menggertak bayi tersebut dengan memukul-mukul tilam kusyen.



RENTETAN gambar menunjukkan seorang lelaki begitu rakus mendera seorang kanak-kanak dengan mengangkat badan mangsa, menendang, memukul dengan senduk dan memaksanya berlutut dengan mengangkat tangan di sebuah rumah di Klang.